



**RASMI...** Kamaruzaman (tiga kanan) bersama tetamu jemputan lain menunjukkan isyarat bagus sejeurus selepas pelancaran berkenaan.

## MyCPD tingkat kemahiran kakitangan UMS

Oleh **SITI AISYAH  
NARUDIN**

**KOTA KINABALU:** Bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan seluruh tenaga kerjanya, Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini mengambil satu lagi inisiatif baru dengan melancarkan Sistem Pembelajaran Sepanjang Hayat (MyCPD).

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon berkata, kecemerlangan yang berterusan merupakan matlamat utama setiap organisasi. Justeru sumber tenaga yang mahir dan berpengetahuan tinggi menjadi idaman dalam memacu kegemilangan.

"Sistem MyCPD merupakan saranan daripada kerajaan hasil cadangan penjawat awam yang menginginkan penilaian yang berbeza berbanding penilaian sebelum ini," katanya.

Beliau berkata ramai yang berpendapat penilaian melalui sistem peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) kurang berkesan dalam memangkin pencapaian cemerlang di kalangan kakitangan awam pelbagai

peringkat.

"Sehubungan itu, UMS yang prihatin terhadap keperluan para kakitangannya telah mengubahsuai sistem peperiksaan PTK ini kepada sistem MyCPD," katanya lagi.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Sistem MyCPD@UMS dekat sini, kelmarin.

Menurutnya, sistem ini akan menilai setiap kakitangan mengikut mata kredit yang diperoleh melalui penyertaan terhadap kursus dan latihan dalam skim jawatan yang disandang.

"Sistem yang masih berlandaskan kepada sistem asal PTK ini dilihat lebih telus dan menyeluruh apabila setiap kakitangan boleh memantau jumlah mata kredit dari semasa ke semasa secara 'online'.

"Manakala jumlah mata yang mencapai tahap minimum yang ditetapkan pula boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dan anjakan gaji," jelasnya.

Selain itu katanya, pelbagai faedah lain turut diperoleh melalui sistem berkenaan kerana ia mampu diterapkan dalam diri para kakitangan melalui latihan dan kursus mengikut tugas kerja

masing-masing.

Sementara itu, Pendaftar UMS, Abdullah Haji Mohd Said berkata, pelaksanaan sistem MyCPD dilihat mampu memberi pelbagai impak terhadap kemajuan UMS serta menjadi pengukur terhadap pencapaian dan kompetensi para kakitangan.

"Ia juga sekaligus mengajak seluruh warga UMS untuk mempersiapkan diri masing-masing dengan pelbagai ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran dalam tugas," katanya.

Beliau menjelaskan sistem MyCPD ini merupakan pengubahsuaian terhadap PTK berdasarkan keputusan Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti yang sebulat suara untuk mengambil sistem MyCPD Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai model pelaksanaan.

"UMS merupakan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ketiga yang melaksanakan sistem ini selepas USM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)," katanya.

Justeru beliau berharap kerjasama yang baik dari semua pihak agar sistem MyCPD yang baru dilancarkan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.